



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

18 NOVEMBER 2025 (SELASA)

Kedaulatan, Kebebasan Dasar, Kepentingan Negara Kekal Terpelihara Sepenuhnya di Bawah ART			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Berita	Dalam Talian	17 Nov

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) sekali lagi menegaskan bahawa kedaulatan, kebebasan dasar dan kepentingan negara Malaysia kekal terpelihara sepenuhnya di bawah Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART) Malaysia-Amerika Syarikat.

MITI dalam satu kenyataan hari ini berkata ART bukanlah perjanjian perdagangan bebas konvensional yang dimulakan oleh Malaysia.

"Ia merupakan langkah tindak balas yang dipertimbangkan dengan penuh teliti untuk mempertahankan kepentingan negara, melindungi pekerjaan dan mengekalkan pasaran eksport negara daripada tarif yang dikenakan Amerika Syarikat (AS) ke atas Malaysia dan banyak rakan dagang lain.

"Tidak ada pindaan kepada undang-undang Malaysia yang diperlukan sebagai prasyarat untuk

menandatangkannya — yang mana menjamin kedaulatan kita dalam keseluruhan proses rundingan," tegas MITI.

MITI berkata tanpa ART, eksport Malaysia mungkin tertakluk kepada tarif sebanyak 24 peratus, 25 peratus atau lebih tinggi, dengan risiko tarif lebih tinggi dikenakan ke atas sektor sensitif seperti semikonduktor dan farmaseutikal yang seterusnya berpotensi membawa kesan bernilai RM56.2 bilion dalam eksport semikonduktor sahaja.

Kementerian itu berkata impak buruk itu akan menjejaskan beribu-ribu perniagaan dan mata pencarian berjuta-juta rakyat Malaysia merentasi sektor utama, termasuk elektrik dan elektronik, aeroangkasa, getah, koko dan farmaseutikal.

"Pada 2024, perdagangan Malaysia-AS mencecah RM325 bilion, dengan eksport berjumlah RM198.65 bilion. Dalam tempoh Januari

hingga September 2025, eksport Malaysia ke AS berjumlah RM166.38 bilion, menjadikan gergasi utama ekonomi dunia itu sebagai pasaran eksport terbesar Malaysia,” katanya.

MITI menjelaskan melalui ART, Malaysia memperoleh manfaat nyata apabila kadar tarif timbal balas telah dikurangkan kepada 19 peratus, iaitu paras terendah yang dikenakan kepada kebanyakan negara anggota ASEAN yang merekodkan lebih dagangan dengan AS.

“Lebih penting lagi, Malaysia mendapat pengecualian bagi 1,711 produk eksport, melindungi sekitar RM22 bilion eksport merangkumi minyak sawit, getah, koko, komponen aeroangkasa dan farmaseutikal.

“Susulan pengecualian ini, terdapat potensi kukuh untuk nilai tersebut berkembang melebihi RM22 bilion pada masa hadapan. Pada masa sama, Malaysia mengekalkan, secara purata, duti import sebanyak tujuh peratus ke atas barangan AS dan terus mengekalkan duti import bagi sektor sensitif,” tambahnya.

MITI memaklumkan sekurang-kurangnya 10 sesi libat urus dengan pembuat dasar telah diadakan sejak

Mei 2025, termasuk sesi taklimat dengan Kelab Penyokong Kerajaan, Sidang Khas Parlimen mengenai isu Tarif Timbal Balas AS serta mesyuarat dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa di peringkat Parlimen.

“ART, serta implikasinya, telah dibentangkan kepada dan diluluskan oleh Jemaah Menteri.

“Selain itu, sesi libat urus dengan kementerian berkaitan turut melibatkan Kementerian Kewangan (mengenai implikasi tarif dan fiskal), Kementerian Luar (bagi penyelarasan dari segi diplomatik), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Perlindungan dan Komoditi, serta Kementerian Kesihatan (mengenai keselamatan dan keterjaminan makanan),” menurut MITI.

MITI menambah agensi yang dirujuk termasuk Jabatan Peguam Negara (bagi memastikan penyelarasan dan pematuhan perlembagaan), Bank Negara Malaysia (mengenai kesan makroekonomi, perkhidmatan kewangan dan mata wang), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar

(mengenai piawaian halal serta langkah sanitari dan fitosanitari), Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (mengenai peraturan teknikal dan kebenaran pemasaran), serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (mengenai duti dan cukai kastam).

Kementerian itu berkata kerajaan telah sekian lama berpegang teguh kepada perkara asas yang tidak boleh dikompromi termasuk dasar Bumiputera, perolehan kerajaan serta pemilikan dalam sektor strategik seperti tenaga dan telekomunikasi.

Menurutnya tiada mana-mana klausa dalam ART yang mengabaikan perkara asas ini, dan peruntukan seperti Artikel 5.1 (mengenai tindakan pelengkap) dan Artikel 5.2 (mengenai kawalan eksport) secara jelas termaktub dalam undang-undang domestik Malaysia dan hanya terpakai apabila terdapat kebimbangan bersama berkaitan ekonomi atau keselamatan negara.

“Malaysia mengekalkan autonomi penuh untuk menentukan hala tuju tindakannya selaras dengan dasar luar yang neutral dan berkecuali yang telah lama diamalkan. Artikel 3.3 dan 5.3

memerlukan rundingan dengan AS, tetapi tidak memberikan sebarang kuasa veto terhadap perjanjian perdagangan Malaysia pada masa depan.

“Oleh itu, ART berperanan sebagai instrumen pertahanan dan penstabilan. Ia mengurangkan risiko kejutan tarif secara mendadak, mendapat layanan yang lebih baik berbanding kebanyakan negara lain yang berdepan langkah unilateral AS yang sama dan menghantar isyarat jelas bahawa Malaysia komited untuk melindungi pasaran eksport kritikal sambil mengekalkan hak berdaulatnya untuk mengawal selia bagi kepentingan negara,” katanya.

MITI berkata langkah memuktamadkan ART mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai negara perdagangan yang berdaya tahan, boleh diramal dan dipercayai dalam persekitaran geopolitik serta ekonomi yang semakin mencabar.

Kementerian berkenaan menyambut baik wacana dan perbincangan yang betul, bermaklumat dan berasaskan fakta mengenai isu kedaulatan dan kebimbangan lain berkaitan ART.

“MITI akan terus memberi penerangan kepada Parlimen, mengadakan libat urus dengan pihak berkepentingan dan memberikan penerangan yang jelas supaya rakyat dapat menilai ART berdasarkan maklumat yang tepat dan lengkap.

“Pelaksanaan ART akan terus berlandaskan undang-undang Malaysia, kepentingan negara dan dasar luar yang bebas,” katanya.-[BERNAMA](#)

Perjanjian Perdagangan Malaysia-AS Berperanan Stabilkan Pasaran Eksport, Sokong PKS - MITI			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Dagang News	Terkini	Dalam Talian	17 Nov



KUALA LUMPUR 17 Nov – Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) menegaskan bahawa kedaulatan Malaysia, autonomi dasar dan kepentingan negara tetap terpelihara di bawah Perjanjian Perdagangan Timbal Balas Malaysia-Amerika Syarikat (ART).

Kementerian itu berkata, ART bukan perjanjian perdagangan bebas konvensional, sebaliknya merupakan tindak balas bersasar untuk melindungi kepentingan nasional,

mengekalkan pekerjaan, dan menstabilkan pasaran eksport Malaysia daripada tarif unilateral Amerika Syarikat (AS).

“Tiada pindaan kepada undang-undang Malaysia diperlukan sebelum menandatangani perjanjian itu.

“Sebelum menandatangani ART, kerajaan telah menjalankan proses sewajarnya dengan melibatkan semua kementerian dan agensi berkaitan bagi menilai

implikasi undang-undang, ekonomi, keselamatan dan sektor tertentu,” kata Kementerian itu dalam satu kenyataan hari ini.

MITI juga menjalankan analisis senario yang menunjukkan bahawa sekiranya Malaysia tidak berunding, tarif lebih tinggi dan ketidakpastian bagi pengeksporn, pelabur, dan pekerja adalah tidak dapat dielakkan.

“10 sesi perbincangan dengan penggubal dasar telah diadakan sejak Mei 2025, termasuk taklimat kepada Backbenchers Club, sesi khas Parlimen, sesi soal jawab menteri dan mesyuarat dengan jawatankuasa khas Parlimen.

“ART dan implikasinya telah dibentangkan dan diluluskan oleh Kabinet.

“Selain itu, kementerian dan agensi lain seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pertanian & Sekuriti Makanan, Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi, Kementerian Kesihatan, Pejabat Peguam Negara, Bank Negara Malaysia, JAKIM, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Badan Kawal Selia Farmaseutikal Negara, Agensi Peranti Perubatan, dan Jabatan Kastam Diraja

Malaysia turut dirujuk bagi memastikan kepatuhan undang-undang, keselamatan makanan, piawaian halal, serta kesan fiskal dan ekonomi,” kata MITI.

Perdagangan Malaysia-AS pada 2024 mencapai RM325 bilion, dengan eksport sebanyak RM198.65 bilion.

Dari Januari hingga September 2025, eksport Malaysia ke AS berjumlah RM166.38 bilion, menjadikan AS pasaran eksport terbesar Malaysia.

MITI berkata, tanpa ART, eksport Malaysia berisiko dikenakan tarif sehingga 24%-25% atau lebih tinggi, termasuk ke atas sektor sensitif seperti semikonduktor dan farmaseutikal, yang berpotensi menjejaskan RM56.2 bilion eksport semikonduktor sahaja.

“Melalui ART, Malaysia memperoleh kadar tarif timbal balas lebih rendah, daripada 25% kepada 19% dan pengecualian untuk 1,711 barisan tarif, melindungi kira-kira RM22 bilion eksport termasuk minyak sawit, getah, koko, alat aeroangkasa dan farmaseutikal.

“Malaysia juga mengekalkan purata 7% duti import

terhadap barangan AS dan mengekalkan duti import bagi sektor sensitif,” katanya. Kerajaan menegaskan kedaulatan negara tetap dipelihara, termasuk dasar Bumiputera, perolehan kerajaan dan pemilikan dalam sektor strategik seperti tenaga dan telekomunikasi.

“ART tidak menjejaskan garis merah ini dan memberi Malaysia autonomi penuh untuk membuat keputusan, selaras dengan dasar luar negara yang berkecuali.

“Sektor pembuatan dan eksport Malaysia yang menyokong rantai bekalan AS menyediakan 1.1 juta pekerjaan untuk rakyat Malaysia dan peluang kepada sekurang-kurangnya 7,000 PKS.

“ART turut memberi kepastian kepada pelabur dan sektor eksport, menyumbang kepada pertumbuhan KDNK 5.2% bagi suku ketiga 2025,” kata Kementerian tersebut.

MITI menegaskan ART berfungsi sebagai alat defensif dan penstabil, mengurangkan risiko kejutan tarif mendadak, dan menegaskan komitmen Malaysia melindungi pasaran eksport kritikal sambil mengekalkan kedaulatan negara.

Pelaksanaan ART akan tetap berpandukan undang-undang Malaysia, kepentingan negara, dan dasar luar negara bebas.

MITI akan terus memberi taklimat kepada Parlimen, melibatkan pihak berkepentingan, dan menyediakan penjelasan jelas supaya rakyat dapat menilai ART berdasarkan maklumat tepat dan lengkap.-[DAGANGNEWS](#)

ART Elak Tarif AS Setinggi 25 Peratus Tanpa Kompromi Kedaulatan Malaysia - MITI			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Bisnes	Dalam Talian	17 Nov



Presiden Donald Trump dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memeterai ART pada Oktober semasa Sidang Kemuncak ASEAN - Foto Reuters

KUALA LUMPUR: Malaysia berjaya mengelakkan risiko tarif sepihak Amerika Syarikat (AS) sehingga 25 peratus atau lebih termasuk ancaman terhadap RM56.2 bilion eksport semikonduktor melalui pemeteraian Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART), tanpa sebarang pindaan undang-undang tempatan atau kompromi terhadap kedaulatan negara.

Menurut Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), ART bukan

perjanjian perdagangan bebas (FTA), sebaliknya langkah defensif untuk melindungi pekerjaan, pasaran eksport dan rantai bekalan Malaysia susulan tindakan unilateral tarif AS terhadap Malaysia dan rakan dagang lain.

"MITI menegaskan bahawa kedaulatan Malaysia, autonomi dasar serta kepentingan nasional kekal terlindung sepenuhnya di bawah ART antara Malaysia dan AS, mengambil kira bahawa ART bukan perjanjian

perdagangan bebas konvensional yang dimulakan oleh Malaysia.

"Ia merupakan langkah berhemah untuk mempertahankan kepentingan negara, melindungi pekerjaan dan memastikan pasaran eksport Malaysia kekal terjamin daripada tarif sepihak AS yang dikenakan ke atas Malaysia dan banyak rakan dagang lain.

"Tiada sebarang pindaan terhadap undang-undang Malaysia diperlukan sebagai prasyarat untuk menandatangani perjanjian, sekali gus mengesahkan kedaulatan negara dalam keseluruhan proses rundingan," katanya dalam satu kenyataan.

MITI berkata, sebelum ART dimuktamadkan, kerajaan melaksanakan proses penilaian ketat dengan semua kementerian dan agensi berkaitan terbabit dalam menilai implikasi undang-undang, ekonomi, keselamatan dan sektorial.

Katanya, MITI turut menjalankan analisis senario bersama kementerian terbabit, yang menunjukkan bahawa pilihan jika tidak bertindak atau enggan berunding berkemungkinan membawa kepada kadar tarif jauh lebih tinggi, liputan

produk lebih luas serta ketidakpastian lebih besar kepada pengeksport, pelabur dan pekerja.

"Dari segi proses libat urus, MITI ingin merekodkan bahawa sekurang-kurangnya 10 sesi libat urus dengan pembuat dasar diadakan sejak Mei 2025 antaranya Sesi Taklimat kepada Backbenchers Club (BBC) pada 4 Mei 2025; Sidang Khas Parlimen mengenai isu Tarif Timbal Balas AS (5 Mei 2025); mesyuarat bersama Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa (28 Julai 2025); Sesi Kenyataan Menteri mengenai Perjanjian ART di Parlimen (4 Ogos 2025).

"Sesi Taklimat kepada Backbenchers Club (BBC) (5 Ogos 2025); Sesi Waktu Pertanyaan Menteri (7 Ogos 2025); Sesi Taklimat kepada Blok Pembangkang (19 Ogos 2025); Sesi Waktu Pertanyaan Menteri (16 Oktober 2025); Sesi Taklimat mengenai Perjanjian ART kepada Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) (29 Oktober 2025); Sesi Kenyataan Menteri mengenai Perjanjian ART di Parlimen (29 Oktober 2025)," katanya.

Selain itu, katanya, libat urus bersama kementerian berkaitan melibatkan Kementerian Kewangan (berhubung implikasi tarif

dan fiskal); Kementerian Luar Negeri (penjajaran diplomatik); Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan, Kementerian Perlindungan dan Komoditi serta Kementerian Kesihatan (berhubung keselamatan makanan).

"Agensi yang dirujuk termasuk Jabatan Peguam Negara (penjajaran dan pematuhan perlembagaan); Bank Negara Malaysia (implikasi makroekonomi, perkhidmatan kewangan dan mata wang); Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (standard halal serta langkah sanitari dan fitosanitari); Agensi Regulatori Farmaseutikal Kebangsaan dan Agensi Peranti Perubatan (peraturan teknikal dan kebenaran pemasaran); serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (dutih dan cukai kastam)," katanya.

Menurut MITI, tanpa ART, eksport Malaysia berisiko dikenakan tarif 24 peratus, 25 peratus atau lebih tinggi, termasuk risiko peningkatan tarif sepihak yang boleh menjejaskan sektor sensitif seperti semikonduktor dan farmaseutikal, dengan potensi impak kepada RM56.2 bilion eksport semikonduktor sahaja.

"Kesan buruk sebegini

mampu menjejaskan ribuan perniagaan serta jutaan rakyat dalam sektor utama seperti E&E, aeroangkasa, getah, koko dan farmaseutikal.

"Lebih penting, Malaysia berjaya mendapatkan pengecualian bagi 1,711 garis tarif, melindungi sekitar RM22 bilion eksport merangkumi minyak sawit, getah, koko, komponen aeroangkasa dan farmaseutikal. Nilai ini juga berpotensi meningkat pada masa hadapan," katanya.-

[BHONLINE](#)

Johor Perkukuh Kedudukan sebagai Pengeluar Ternakan Utama Haiwan di M'sia

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian SG	Malaysia	Dalam Talian	17 Nov



Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip, ketika melihat ketibaan 1,000 ekor lembu tenusu di Pelabuhan Pasir Gudang, dari Australia. - Foto FACEBOOK ZAHARI SARIP

JOHOR BAHRU: Johor terus memperkukuh kedudukan sebagai antara pengeluar ternakan haiwan (ruminan) utama Malaysia menerusi pelaksanaan pelbagai strategi pembangunan sektor ternakan serta pelaburan berimpak tinggi yang menumpukan kepada peningkatan pengeluaran tempatan dan jaminan bekalan makanan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar

Johor, Datuk Zahari Sarip, berkata berdasarkan data Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Johor, sektor ternakan merupakan komponen kritikal dalam ekosistem keselamatan makanan negara, namun kadar sara diri (SSR) bagi beberapa subsektor masih rendah.

“SSR daging lembu berada pada paras 15.9 peratus, manakala daging kambing hanya 10.6 peratus, menyebabkan

kebergantungan import kekal tinggi pada kadar 89.6 peratus untuk daging lembu dan 84.5 peratus untuk daging kambing. Bagi susu segar, SSR dicatatkan pada 66.8 peratus.

“Menyedari keperluan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran domestik, kerajaan negeri melaksanakan pelbagai usaha peningkatan termasuk program pembiakan baka, peluasan pernian beradas, pengukuhan kawalan penyakit, penambahbaikan nutrisi dan prasarana ternakan, serta inisiatif latihan kepada penternak.

“Johor turut menaik taraf Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) ternakan sebagai sebahagian usaha jangka panjang meningkatkan produktiviti industri,” katanya ketika Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor di Kota Iskandar pada 17 November.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Cik Alwiyah Talib (Bersatu-Endau) dan Encik Yusla Ismail (Umno-Senggarang).

Datuk Zahari juga memaklumkan bahawa bermula 2021 sehingga 2025, sejumlah RM19.8 juta (\$6.2

juta) telah diperuntukkan bagi pembangunan sektor itu.

“Hasil usaha berterusan ini membolehkan Johor mengekalkan kedudukan sebagai negeri kedua tertinggi populasi ternakan haiwan dengan 160,845 ekor pada 2023, dan sasaran 200,000 ekor pada 2027,” katanya.

Tambahnya, projek berimpak besar yang menjadi tumpuan ialah pembangunan Lembah Tenusu Jemaluan (JDV) di Mersing, yang disifatkan sebagai pemangkin utama industri tenusu negeri.

“Dibangunkan di kawasan seluas 680 ekar yang disediakan kerajaan negeri, projek ini dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan syarikat pelaksana Jemaluang Dairy Valley Sdn Bhd (JDVSB), iaitu usaha sama antara Kulim (Malaysia) Berhad dan A2 Fresh Holdings Sdn Bhd.

“ECERDC menyiapkan prasarana bernilai RM68.5 juta pada 30 Jun 2025, manakala JDVSB melabur RM120 juta untuk operasi projek,” ujarinya.

JDV mampu menempatkan sehingga 4,000 ekor lembu tenusu dan menjangkakan

pengeluaran purata 7.9 juta liter susu segar setahun dalam tempoh lima tahun pertama.

Ketibaan 1,000 ekor lembu bunting baka campuran A2 Jersey-Fresian dari Australia telah menandakan permulaan tahap pelaksanaan, dengan perahan susu pertama dijadualkan bermula Januari 2026.

Ketika ini, pengeluaran susu segar di Johor berada antara 6 hingga 7 juta liter setahun melalui 95 penternak dengan populasi sekitar 8,000 ekor, dan JDV dijangka melonjakkan kapasiti negeri kepada 13 hingga 15 juta liter setahun menjelang 2030.-

[BERITAHARIANS](#)

2 Lelaki ditahan disyaki Dera Beruk

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	Tempatan	Dalam Talian	17 Nov



Tangkap layar video tular menunjukkan seorang lelaki menampar dan menghentak seekor beruk yang sedang bergelut untuk melepaskan diri.

KOTA BHARU: Polis menahan dua lelaki berusia 24 dan 28 tahun bagi membantu siasatan kes penderaan seekor beruk di Bachok, yang tular di media sosial minggu lepas.

Ketua Polis Bachok Mohamad Ismail Jamaluddin berkata kedua-dua lelaki itu ditahan di IPD Bachok pada 10 malam semalam selepas hadir memberi keterangan.

“Polis menahan kedua-dua suspek selepas mereka hadir di balai untuk dirakam percakapan berkaitan video

tular sejak beberapa hari lepas. Mereka kini direman empat hari hingga Selasa depan bagi membantu siasatan,” katanya dalam kenyataan.

Ismail berkata siasatan awal mendapati rakaman video yang tular memaparkan seekor beruk ditampar, dirantai dan dipukul beberapa kali, dirakam oleh rakan suspek sebelum dimuat naik ke platform media sosial termasuk TikTok, Facebook dan Instagram mencetuskan

reaksi negatif serta kecaman netizen.

Beliau berkata suspek didapati tidak memiliki sebarang lesen atau permit sah daripada pihak berkuasa veterinar untuk menjaga atau melatih haiwan berkenaan.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 44(1)(a) Akta Binatang 1953 kerana penderaan terhadap haiwan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 berkaitan penyebaran kandungan jelik melalui media sosial.

“Polis turut merampas satu telefon bimbit dan seekor beruk jantan, yang telah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk pemeriksaan lanjut,” katanya.-

[FREEMALAYSIATODAY](#)

Malaysia's Sovereignty Fully Protected Under US Trade Agreement			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Sun	People & Issues	Dalam Talian	17 Nov



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim (right) and United States President Donald Trump - BERNAMApix

MITI confirms Malaysia's sovereignty and policy autonomy remain intact under ART, defending RM56.2 billion in semiconductor exports from US tariffs.

KUALA LUMPUR: Malaysia's sovereignty, policy autonomy and national interests remain fully protected under the Malaysia-United States Agreement on Reciprocal Trade (ART).

The Ministry of Investment, Trade and Industry (MITI) clarified that ART is not a

conventional free trade agreement initiated by Malaysia.

"It is a measured response to defend national interests, protect jobs and maintain the country's export market against the unilateral tariffs imposed by the US on Malaysia and many other trading partners," MITI stated.

"No amendments to Malaysian laws were required as a precondition to signing — which affirms our

sovereignty in the whole negotiation process.”

Without ART, Malaysian exports could have faced tariffs of 24%, 25% or higher, potentially impacting RM56.2 billion in semiconductor exports alone.

This adverse outcome would have jeopardised thousands of businesses and millions of livelihoods across electrical and electronics, aerospace, rubber, cocoa and pharmaceuticals sectors.

Malaysia-US trade reached RM325 billion in 2024, with exports comprising RM198.65 billion.

From January to September 2025, Malaysia’s exports to the US totalled RM166.38 billion, making the US effectively Malaysia’s largest export market.

Through ART, Malaysia secured a reduced reciprocal tariff rate of 19%, the lowest applied to most ASEAN countries with a trade surplus with the US.

Malaysia obtained exemptions for 1,711 tariff lines, safeguarding approximately RM22 billion in exports covering palm oil, rubber, cocoa, aerospace parts and pharmaceuticals.

This exemption holds strong

potential for future growth beyond RM22 billion in export value.

Malaysia maintains, on average, 7% import duties against US goods and continues to protect sensitive sectors.

At least 10 engagement sessions with policymakers have been organised since May 2025, including briefings for the Backbenchers Club and a special Parliamentary Sitting.

The ART was presented to and approved by the Cabinet following comprehensive consultations.

Engagement sessions involved multiple ministries including Finance, Foreign Affairs, Agriculture and Food Security, Plantation Industries and Commodities, and Health.

Consulted agencies included the Attorney-General’s Chambers, Bank Negara Malaysia, JAKIM, Department of Veterinary Services, National Pharmaceutical Regulatory Agency and Royal Malaysian Customs Department.

The government maintained clear red lines on Bumiputera policies, government procurement, and ownership in strategic sectors like

energy and telecommunications.

providing clear explanations for public evaluation.

No ART clauses override these red lines, with provisions explicitly anchored in Malaysia's domestic laws.

Implementation of ART will remain firmly grounded in Malaysia's laws, national interest and independent foreign policy. -[THESUN](#)

"Malaysia retains full autonomy to decide its course of action, consistent with its longstanding neutral and non-aligned foreign policy," MITI emphasised.

Articles 3.3 and 5.3 require consultations with the US but do not confer any veto power over Malaysia's future trade agreements.

ART functions as a defensive, stabilising instrument mitigating the risk of sudden tariff shocks.

It secures better treatment than many peers facing the same US unilateral measures while upholding Malaysia's sovereign right to regulate in the national interest.

Finalising ART reinforces Malaysia's position as a resilient, predictable and trusted trading nation.

MITI welcomes genuine, fact-based discourse on sovereignty and other ART-related concerns.

The ministry will continue briefing Parliament, engaging stakeholders and

MITI Says Sovereignty Intact Under ART Deal, Protects Export Market

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Business Today	News	Dalam Talian	17 Nov



The Ministry of Investment, Trade and Industry (MITI) has moved to reassure the public that Malaysia's sovereignty, policy autonomy and national interests remain fully safeguarded under the recently signed Malaysia–United States Agreement on Reciprocal Trade (ART), stressing that the pact is not a conventional free trade agreement but a defensive response to U.S. unilateral tariff measures.

In a detailed statement, MITI said the ART was necessary to shield Malaysian exporters,

workers and key industries from steep tariff hikes that the U.S. could have imposed if Malaysia declined to engage. It emphasised that the agreement required no amendments to Malaysian laws, reinforcing the country's sovereign decision-making throughout negotiations.

MITI outlined a series of 10 engagement sessions with Members of Parliament, ministries and parliamentary committees since May 2025, including two ministerial statements, multiple

briefings to both government and opposition MPs, and discussions at parliamentary question time.

The Cabinet had also deliberated on and approved the ART.

In addition to policymakers, MITI consulted a wide range of agencies to assess implications across law, security, food standards, financial systems and customs. These included:

Attorney-General's Chambers
Bank Negara Malaysia
JAKIM and the Department of Veterinary Services
National Pharmaceutical Regulatory Agency
Medical Device Authority
Royal Malaysian Customs Department

Ministries overseeing finance, agriculture, commodities and health

MITI warned that refusing to negotiate could have triggered tariffs of 24–25% or higher, with potential escalation to sensitive sectors like semiconductors and pharmaceuticals, threatening RM56.2 billion worth of semiconductor exports alone.

Malaysia's trade with the U.S. hit RM325 billion in 2024, with exports amounting to RM198.65 billion. From January to September 2025, exports reached RM166.38 billion, making the U.S.

Malaysia's largest export market.

According to MITI, the ART secured several key benefits:

Tariffs reduced from 25% to 19% — the lowest applied to ASEAN countries with a U.S. trade surplus.

Exemptions for 1,711 tariff lines, protecting approximately RM22 billion in exports across palm oil, rubber, cocoa, aerospace parts and pharmaceuticals.

Malaysia retains an average 7% import duty on U.S. goods, with sensitive sectors protected.

No concessions were made on Bumiputera policies, government procurement, or strategic sector ownership in telecommunications and energy.

Provisions on export controls and complementary actions remain anchored in domestic law, and the U.S. holds no veto power over Malaysia's future trade decisions.

MITI highlighted that Malaysia's manufacturing and export sectors linked to the U.S. supply chain support 1.1 million jobs and involve at least 7,000 SMEs. The ART, it said, delivers certainty to businesses and investors amid global volatility.

The ministry noted that approved investments and export growth in 2025

contributed to the country's 5.2% GDP growth in the third quarter.

MITI described the ART as a targeted, defensive measure designed to mitigate sudden tariff shocks and preserve Malaysia's competitiveness while navigating rising geopolitical and economic uncertainty.-

[BUSINESSTODAY](#)

[VIDEO] Aduan Rakyat: Penduduk Tertekan dengan Hurungan Lalat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Aduan Rakyat	Dalam Talian	16 Nov



Tangkap layar video dari Buletin TV3

KUALA LANGAT: Penduduk ganggu serius kepada Kampung Tumbuk Darat di komuniti setempat.

Kuala Langat, Selangor, berdepan situasi tertekan apabila kediaman mereka dihurung lalat sejak empat bulan lalu.

Masalah itu dipercayai berpunca daripada sebuah ladang ternakan ayam berhampiran yang didakwa beroperasi tanpa lesen, sekali gus menimbulkan kacau

Penduduk mendakwa lalat memenuhi ruang rumah, hinggap pada makanan serta mengganggu rutin harian, selain risiko kepada kebersihan dan kesihatan yang menjejaskan kira-kira 160 kediaman di kampung berkenaan.

Ketua Kampung Tumbuk

niaganya.

“Dari pagi lagi lalat sudah datang. Kita pasang kipas dan jaga kebersihan, tapi (lalat) tetap ada. Memang mengganggu,” jelasnya.

JPV Selangor sita 10,000 ayam

Aduan penduduk terus mendapat perhatian Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor, yang melakukan pemeriksaan di ladang terbabit baru-baru ini.

Tinjauan Buletin TV3 mendapati ladang seluas dua hektar itu tidak diselenggara dengan baik, termasuk kegagalan membersihkan najis ayam secara sempurna.

Lima reban di ladang itu yang menempatkan kira-kira 10,000 ayam juga didakwa hanya diuruskan seorang pekerja, sekali gus menjadi punca pertambahan lalat di kawasan sekitar.

Lebih membimbangkan, ladang tersebut didapati beroperasi tanpa lesen yang sah dan turut menggaji pekerja warga asing.

Pengarah JPV Selangor, Dr Hassuzana Khalil, berkata pihaknya menerima aduan daripada penduduk sejak tiga bulan lalu.

dibuat mengikut Seksyen 25(2) Enakmen Perlindungan Unggas 2007. Kita menyita semua ayam kira-kira 10,000 ekor dan dibenarkan membuat penjualan,” katanya.

Kita juga boleh merobohkan struktur reban serta membawa kes ke mahkamah,” katanya ketika ditemui di sini.

Beliau berkata, pemilik ladang pernah dikenakan kompaun RM2,000 namun gagal menjelaskan bayaran, menyebabkan tindakan lanjut terpaksa diambil.

Reban ayam haram itu turut dirobuhkan Rabu lalu dalam operasi bersepadu membabitkan JPV Selangor, Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) dan polis.

Dr Hassuzana menegaskan usaha penguatkuasaan terhadap ladang ternakan haram akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan kesihatan awam terpelihara.-[BULETINTV3](#)

“Tindakan penguatkuasaan

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR